

Cabaran Guru-Guru Pelatih Tahun Tiga Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kemahiran Hidup) Sesi 2007/2008 Terhadap Latihan Mengajar Yang Telah Mereka Lalui

Yahya Buntat¹ & Norhaya Omar²

¹ Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, 81310, Skudai, Johor Malaysia

ABSTRAK : Kajian deskriptif yang dijalankan adalah untuk mengenalpasti cabaran guruguru pelatih tahun tiga Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kemahiran Hidup) sesi 2007/2008 terhadap latihan mengajar yang telah mereka lalui. Seramai 125 orang sampel iaitu keseluruhan populasi pelajar tahun tiga kursus Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kemahiran Hidup) dipilih sebagai responden. Kajian ini dijalankan dengan mengedarkan satu set soal selidik yang megandungi 36 item kepada responden. Data telah dianalisis secara statistik deskriptif dengan menggunakan program Statistical Package For Social Sciences (SPSS) 13.0 For Windows dan dipersembahkan dalam nilai kekerapan, min dan peratusan. Nilai Alpha Cronbach yang diperolehi melalui kajian rintis ialah 0.889. Hasil kajian mendapati bahawa responden menghadapi cabaran daripada semua aspek yang dikaji iaitu aspek pengajaran teori dalam bilik darjah, pengajaran amali di bengkel, beban tugas, penyeliaan oleh pensyarah serta guru pemimbing dan juga cabaran dari aspek kemudahan yang ada. Justeru, berdasarkan kepada dapatan kajian, beberapa cadangan telah dibincangkan.

Katakunci : *Cabaran, Guru Pelatih, Teknologi Dan Pendidikan, Kemahiran Hidup & Latihan Mengajar*

ABSTRACT: This descriptive is to identify the challenges that faced by year three practical teachers towards the practical teaching that they had through. 125 respondents have been chosen that included total student from year three technology and educational bachelor of degree. One set of questionnaire that consist of 36 questions have been spread to all respondents. Statistical Package For Social Science (SPSS) 13.0 For Windows was used to analyzed data in the meaning of descriptive science and it was presented in value of frequency, mean and percentage. The value of Alpha Cronbach for the pilot test conducted was 0.889. The result showed that respondents faced the challenges from all the research study such as theoretical teaching in classroom, workshop, work burden, supervised by lecturer, teacher supervisor and also from the existed facility. Therefore, several suggestions were discussed based on the research findings.

Keywords: *Challenges, Practical Teachers, Education and Technology, Living Skills & Practical Teaching*

1.0 PENGENALAN

Menyedari kepentingan guru dalam memastikan keberkesanan sistem pendidikan negara, kerajaan telah memperkenalkan program latihan mengajar sebagai salah satu elemen penting dalam program perguruan. Secara umumnya, tujuan utama latihan mengajar adalah untuk

memberikan pendedahan kepada bakal guru dengan amalan profesion pendidikan dalam suasana sebenar di sekolah. Melalui latihan mengajar, bakal guru berpeluang membiasakan diri mereka dengan situasi dan persekitaran persekolahan di samping berpeluang memperolehi kemahiran asas perguruan (Abu hassan dan Meor Ibrahim, 1997).

Universiti Teknologi Malaysia merupakan salah sebuah Universiti yang menawarkan pelbagai kursus pendidikan bagi pelajar-pelajar yang berminat untuk menceburi bidang perguruan di Fakulti Pendidikan. Kursus yang ditawarkan terdiri daripada subjek teras dan subjek elektif. Oleh kerana pelajar-pelajar ini merupakan bakal guru, mereka perlu menjalani latihan pengajaran mikro sebagai prasyarat sebelum keluar menjalani Latihan Mengajar yang sebenar di sekolah.

Dalam latihan perguruan, pelajar-pelajar yang bakal menjadi seorang pendidik atau guru seharusnya didedahkan dengan ilmu-ilmu pengetahuan dan perguruan yang terbaik sebagai persediaan untuk menghadapi pelajar-pelajar sekolah pada masa akan datang. Dengan ilmu pendidikan dan kemahiran yang diperolehi, bolehlah dimanfaatkan untuk kemajuan masyarakat dan pembanguna Negara. Disebabkan itu matlamat pendidikan guru yang digubal ialah untuk menghasilkan guru-guru yang unggul iaitu guru-guru yang berbudi pekerti mulia, mempunyai pandangan hidup yang luas, progresif dan saintifik. Untuk menghasilkan guru-guru yang unggul dengan sifat-sifat yang disebutkan tadi, seseorang guru pelatih mestilah melalui proses perkembangan diri yang secukupnya iaitu melalui perkembangan ikhtisas, perkembangan kognitif, perkembangan fizikal, emosi, keagamaan dan perkembangan sosial (Tajul, 1990).

Menurut Hishamudin Menteri Pelajaran Malaysia dalam ucapannya, beliau berkata dalam usaha meningkatkan akses, ekuiti dan kualiti pendidikan, pihak kementerian akan memberikan tumpuan kepada beberapa tugas utama. Satu daripadanya adalah memartabatkan profesion perguruan agar profesion ini dihormati dan dipandang tinggi sesuai dengan amanah yang dipikul sebagai profesion yang berada di barisan paling hadapan dalam pembinaan generasi masa hadapan negara.

1.1 Latarbelakang Masalah

Program latihan mengajar yang dianjurkan oleh UTM ini bertujuan untuk memberi peluang kepada guru mengamalkan segala teori dan kaedah mengajar yang telah dipelajari dalam suasana sebenar bilik darjah. Ia juga merupakan salah satu syarat penganugerahan ijazah kepada pelajar yang mengikuti program latihan perguruan. Jangkamasa latihan mengajar ialah 12 minggu. Kajian ini dibuat pada umumnya adalah untuk melihat cabaran-cabaran yang dihadapi oleh pelajar tahun tiga kursus Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan Kemahiran Hidup sesi 2007/2008 terhadap latihan mengajar yang telah mereka lalui.

Dalam ilmu pedagogi, terdapat pelbagai kaedah pengajaran serta pelbagai model pembelajaran yang boleh diketengahkan untuk digunakan di dalam bilik darjah. Oleh itu guru-guru harus bijak memilih kaedah yang sesuai sebagai medium bagi mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran. Persoalannya, adakah semua bakal guru menguasai kemahiran ini? Adakah mereka mampu menggunakan pelbagai kaedah pengajaran dalam satu masa?. Semua persoalan ini merupakan cabarancabaran yang harus di harungi oleh guru pelatih semasa menjalani latihan mengajar.

Guru-guru pelatih kadangkala gagal untuk mengenalpasti kaedah-kaedah pengajaran yang hendak digunakan di dalam bilik darjah. Kebanyakan guru pelatih tidak dapat merubah kaedah pengajaran tersebut mengikut keperluan dan situasi. Sesetengah guru hanya menekankan aspek pembelajaran yang dibelenggu oleh buku teks dan kaedah 'chalk and talk' semata-mata.

Kebanyakan guru pelatih masih belum mampu menunjukkan pengajaran yang berkesan kerana kurang berkeyakinan, kurang kemahiran mengajar (pedagogi) dan juga kurang mahir dalam komunikasi. Halimah menganggap kaedah itu sangat bertentangan dengan amalan kontekstual. Halimah mendedahkan, ada guru pelatih yang tidak mengamalkan apa yang diajar semasa di universiti semasa mereka berada dalam situasi sebenar sebagai guru. Alasan yang diberikan meliputi kekangan di sekolah, guru besar tidak benarkan atau tiada sokongan daripada guru-guru lama. Selain faktor pedagogi, beliau mengakui terdapat guru yang terlalu kerap menghadiri kursus, guru tidak berada dalam kelas atau tidak cukup guru.

Selain itu, beban tugas yang banyak telah menimbulkan kerumitan, ketidakpuasan hati dan keletihan emosi kepada guru pelatih. Guru pelatih mendakwa adakalanya pihak sekolah mengambil peluang mempergunakan mereka terutamanya guru pelatih lelaki untuk melakukan kerja seperti membuat kain pemedang, mengecat dinding dan meletakkan papan tanda (Azwan, 1999).

Timbul juga masalah di antara guru pelatih dengan penyelia iaitu percanggahan berlaku dalam penulisan buku latihan mengajar (Ismail, 1982). Penyelia mempunyai kefahaman, pandangan, aspirasi, kemahuan dan latar belakang yang berbeza. Guru pelatih menjadi mangsa kerana tidak tahu yang mana satu harus diikuti. Prestasi pengajaran mereka terjejas dan memberi kesan kepada markah latihan mengajar.

Dari segi pengangkutan pula, wujud beberapa masalah pengangkutan, antaranya bagi pejalan kaki ialah tiada kemudahan pejalan kaki seperti kekurangan ruangan pejalan kaki dan keselamatan pejalan kaki adalah kurang selamat. Bagi pengangkutan bas pula, perkhidmatan bas yang tidak tepat pada masanya (Ibrahim, 1991).

1.2 Pernyataan Masalah

Berdasarkan maklumat di atas, pengkaji ingin menjalankan satu kajian untuk mengenalpasti cabaran yang dihadapi oleh guru-guru pelatih tahun tiga Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan Kemahiran Hidup sesi 2007/2008 terhadap latihan mengajar yang telah mereka lalui. Antara cabaran yang ingin dikaji ialah berdasarkan aspek pengajaran teori di bilik darjah, pengajaran amali, beban tugas yang dipikul oleh guru pelatih, penyeliaan oleh pembimbing dan juga kemudahan yang ada semasa menjalani latihan mengajar.

1.3 Objektif Kajian

- i. Menenalpasti cabaran yang dihadapi oleh guru-guru pelatih tahun tiga Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan Kemahiran Hidup sesi 2007/2008 terhadap latihan mengajar yang telah mereka lalui dari aspek pengajaran teori di bilik darjah.
- ii. Menenalpasti cabaran yang dihadapi oleh guru-guru pelatih tahun tiga Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan Kemahiran Hidup sesi 2007/2008 terhadap latihan mengajar yang telah mereka lalui dari aspek pengajaran amali.
- iii. Menenalpasti cabaran yang dihadapi oleh guru-guru pelatih tahun tiga Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan Kemahiran Hidup sesi 2007/2008 terhadap latihan mengajar yang telah mereka lalui dari aspek beban tugas yang dipikul.
- iv. Menenalpasti cabaran yang dihadapi oleh guru-guru pelatih tahun tiga Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan Kemahiran Hidup sesi 2007/2008 terhadap latihan mengajar yang telah mereka lalui dari aspek penyeliaan oleh pembimbing.

- v. Mengenalpasti cabaran yang dihadapi oleh guru-guru pelatih tahun tiga Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan Kemahiran Hidup sesi 2007/2008 terhadap latihan mengajar yang telah mereka lalui dari aspek kemudahan.

2.0 SOROTAN KAJIAN

2.1 Kajian Masalah

Menurut Dr Ishak Harun dan Dr Koh Boh Boon (1983) terdapat beberapa kelemahan mengajar yang dilakukan oleh guru pelatih semasa menjalani latihan mengajar.

- i. Mengajar secara berkuliah dan tidak melibatkan penyertaan aktif di kalangan para pelajar.
- ii. Suara guru yang terlalu lemah dan tidak kedengaran di belakang dan hanya mempunyai satu nada yang boleh membosankan pelajar.
- iii. Melakukan pelbagai kesilapan adalah menggunakan papan hitam. Guru pelatih tidak merancang kerja-kerja di papan hitam.
- iv. Guru pelatih mudah terkeluar dari tajuk yang dibincangkan.
- v. Kurang memberi perhatian kepada teknik menyoal sedangkan dengan teknik tersebut dapat meningkatkan penglibatan pelajar.

Kajian yang dijalankan oleh Ng dan Ishak (1996) meninjau masalah yang dihadapi oleh guru-guru pelatih semasa menjalani latihan mengajar di sekolah melaporkan, selain aspek perancangan dan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran, masalah fisiologi dan fizikal adalah yang menjadi kebimbangan kepada guru pelatih. Diantara faktor-faktor yang membimbangkan mereka adalah seperti :

- i. Rasa takut dan kurang keyakinan
- ii. Kurang kerjasama daripada guru lain
- iii. Kekangan peralatan seperti alat bantu mengajar.
- iv. Diberi kelas ganti yang banyak.
- v. Kurang komunikasi dengan guru-guru sekolah.

Menurut (Halimah, 2004) pensyarah Universiti Kebangsaan Malaysia, terdapat segelintir guru pelatih yang tidak layak langsung menjadi guru dalam erti kata lain tidak menunjukkan ciri-ciri sebagai seorang guru. Tambahnya lagi, adakalanya beliau takut untuk melepaskan guru-guru pelatih ini untuk mengajar di sekolah kerana mereka tidak boleh mengajar langsung. Beliau menyatakan bahawa kaedah pengajaran secara tradisional seperti penggunaan kapur dan papan hijau, kaedah kuliah dan perbincangan kumpulan besar merupakan kaedah yang dipilih oleh guru-guru pelatih semasa latihan mengajar.

Latihan mengajar adalah pengalaman baru bagi guru-guru pelatih. Oleh itu, sudah pastinya dalam melaksanakan tugas ini, banyak masalah yang dihadapi oleh mereka. Di antaranya ialah masalah dari aspek kemudahan, pengajaran teori, pengajaran amali, beban tugas dan juga penyeliaan. Semua masalah ini adalah menjadi cabaran bagi guru pelatih untuk meneruskan latihan mengajar di sekolah masing-masing.

2.2 Profesionalisme Perguruan

Dalam bidang pendidikan, guru merupakan suatu anggota atau kakitangan yang paling penting untuk membangunkan sesebuah masyarakat. Peranan dan sumbangannya amat diperlukan baik di peringkat sekolah rendah mahupun di peringkat menengah. Bidanganya semakin mencabar maka pekerjaan guru berhak di beri status profesion iaitu setanding dengan profesion-profesion yang lain (Mohd Salleh, 1992).

Profesion perguruan dengan profesion-profesion yang lain adalah berbeza, sebabnya peranan guru merangkumi pertumbuhan dan perkembangan jasmani dan rohani membentuk dan memupuk anak-anak yang mentah menjadi manusia yang mulia, membina generasi yang ideal dan sihat zahir batinnya (Pullias, E.V & Young, J.D, 1992)

Bidang perguruan atau pendidikan merupakan suatu profesion yang besar tanggungjawab serta cabarannya. Setiap insan yang menceburkan dirinya dalam profesion perguruan bertanggungjawab menjaga nama baik profesion tersebut dengan mengamalkan profesionalisme perguruan semasa menjalankan tugasnya. Guru yang profesional menjadi teladan dan pembimbing kepada guru yang baru. Guru berkenaan menjadi mentor, rujukan, teladan kepada kumpulan guru yang baru. Selaras dengan usaha untuk meningkatkan dan mengekalkan kualiti, maka bakal guru atau guru yang masih dalam perkhidmatan hendaklah menanam kualiti guru profesional dalam erti kata yang sebenar dalam diri mereka (Esah, 2001).

Tugas guru bukan setakat mendatangkan kebaikan untuk kumpulan sendiri tetapi untuk masyarakat yang lebih menyeluruh, iaitu bersifat universal. Memandangkan Islam memperuntukkan bahawa tanggungjawab itu ialah suatu amanah Allah, maka guru perlu menjalankan tugas secara ikhlas (Abd. Raof, 1991).

2.3 Latihan Mengajar

Latihan mengajar boleh memberikan kesempatan dan peluang yang banyak kepada guru pelatih untuk menimba segala pengalaman awal sebelum mereka memasuki profesion perguruan yang akan ditempuhi nanti. Di dalam masa latihan mengajar, guru pelatih itu menerima tunjuk ajar, bimbingan, pandangan, nasihat, teguran dan penilaian formatif dan sumatif dalam pengajarannya. Sebagai suatu proses penyeliaan ke arah pengajaran yang lebih berkesan (Abdul Rahim, 2000). Menurut Abu Zahari (1988) latihan mengajar merupakan aktiviti yang wajib dilakukan bagi setiap guru pelatih sebelum mereka layak untuk menjadi seorang guru.

Latihan mengajar bertujuan untuk melatih seseorang guru "belajar dan berlatih untuk menjadi guru". Melalui program latihan mengajar, guru pelatih diberi peluang untuk mengguna atau mempraktikkan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang telah dipelajari ke dalam bilik darjah sebenar. Dalam konteks ini, Oguru pelatih dianggap sebagai aperentis yang menjalani latihan di bawah kawalan dan bimbingan guru terlatih (guru pembimbing) yang mahir dan berpengalaman dalam jangka masa tertentu (Abu Hassan & Meor Ibrahim, 1997).

2.4 Perancangan Dan Persediaan Mengajar

Sebelum mengajar, guru pelatih perlu merancang pengajarannya terlebih dahulu. Tujuan utama membuat rancangan pelajaran ialah untuk menjamin tercapainya objektif pengajaran oleh murid. Semasa membuat perancangan, guru perlu membuat keputusan mengenai keperluan, matlamat dan objektif yang perlu dicapai murid, serta motivasi dan strategi

pengajaran yang sesuai bagi mencapai objektif pengajaran yang telah dirancang (Abu Hassan & Meor Ibrahim, 1997).

Mok Soon Sang (1993) menjelaskan bahawa pelaksanaan rancangan mengajar merupakan perlakuan mengajar guru yang penting sekali dalam proses pengajaran kerana pencapaian objektif bergantung kepada kecekapan guru mengendalikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah.

Menurut Ee Ah Meng (2001) pelaksanaan merupakan tindakan menjalankan aktiviti-aktiviti dan membantu murid-murid untuk turut sama mengendalikannya. Ia merangkumi proses mengenal pelajaran, membimbing, mengurus, memotivasikan murid, membangkitkan tindak balas murid secara menyoal, memberikan pujian, mewujudkan disiplin dan menutup pelajaran dengan dengan teratur. Menurut beliau juga, cara pengajaran yang afektif ialah mempelbagaikan kaedah dan teknik pengajaran.

Pelaksanaan penyampaian isi pelajaran penting bagi mencapai objektif dalam pengajaran dan pembelajaran. Pelakuan mengajar guru yang berkesan dapat menghasilkan pengajaran yang afektif. Guru perlu menghasilkan aktiviti pengajaran secara sistematik iaitu daripada peringkat permulaan kemudian peringkat perkembangan konsep dan penguasaan ilmu pengetahuan serta kemahiran dan diakhiri dengan aktiviti peneguhan dan pengukuhan.

B.O Smith (1969) menyatakan guru harus faham tentang isi kandungan mata pelajaran yang akan diajar. Kefahaman merupakan faktor utama yang perlu bagi menjelaskan perasaan kekhuatiran dari segi intelek dan kebolehan guru menggunakan isi kandungan pengajaran tersebut.

Guru berkualiti adalah mereka yang dapat dan mampu menguasai serta merealisasikan segala kemahiran, pengetahuan dan kepakaran yang ada pada diri mereka sebagai alat meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

2.5 Pengajaran Amali Di Bengkel

Dick, R. (1989) telah mendefinisikan pengajaran sebagai interaksi yang bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pelajar dalam bentuk yang khusus dan telah ditentukan. Amali adalah kelas atau latihan dalam mata pelajaran teknikal atau sains yang mana pelajarnya membuat kerja-kerja yang melibatkan pembuktian sesuatu teori. Dalam konteks kajian ini, amali yang dimaksudkan ialah aktiviti yang dijalankan oleh pelajar-pelajar subjek kemahiran hidup dalam bengkel seperti projek elektrik elektronik.

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Kemahiran Hidup yang berbentuk amali, penggunaan bengkel dan bilik-bilik khas amat diperlukan. Selain itu, bengkel juga digunakan untuk menyimpan serta menempatkan alatan tangan, bahan-bahan dan mesin. Ke semua peralatan tersebut perlu disusun dan diselenggara dengan baik. Penyelenggaraan adalah satu proses yang perlu dilakukan terhadap peralatan dan mesin bagi menentukan jangka hayatnya selain selamat digunakan (Yahya, 1989). Pengurusan bengkel yang sistematik amat diperlukan bagi memastikan kelancaran perjalanan proses pengajaran dan pembelajaran.

Bengkel adalah tempat untuk membina minat membangunkan kemahiran serta memotivasikan pelajar untuk belajar dengan lebih mendalam lagi. Di antara persoalan berkaitan bengkel yang sering dibangkitkan ialah bagaimana ruang dan peralatan dapat diselarasakan penyusunannya serta berapa ramai pelajar boleh menggunakan kemudahan dan peralatan yang ada (Pruitt, L. 1982). Oleh itu, bengkel yang kemas dan ceria perlu diwujudkan. Bengkel yang ceria, kemas dan selesa sudah pastinya menyeronokkan dan memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan sama ada secara teori

mahupun amali. Secara tidak langsung, ia dapat meningkatkan prestasi pelajar-pelajar ke arah kecemerlangan akademik.

Syarat fizikal makmal atau bilik darjah mestilah melibatkan kemudahan susunan peralatan, penggunaan dan pengendalian ruang kerja, kepanasan lampu, peredaran udara serta pemuliharaan makmal. Ini adalah penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran agar dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. (Folkman, S. and Lozarus, R.S, 1984), Untuk mewujudkan suasana bengkel sebagaimana yang dikehendaki, bengkel perlu diurus dengan bijak dan sistematik.

3.0 METOD

3.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian yang dijalankan adalah kajian jenis deskriptif, iaitu satu tinjauan secara soal selidik yang mana bermatlamat untuk menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku dan mendapatkan maklumat mengenai suatu peristiwa yang telah berlaku. Mohd Majid (2000) menyatakan bahawa kajian deskriptif merupakan penyelidikan yang bermatlamatkan untuk menerangkan kaedah bagi mendapatkan maklumat yang sedang berlaku. Beliau juga menyatakan bahawa setiap kajian memerlukan pencernaan formal untuk memperolehi satu gambaran yang menyeluruh dan lebih menyamai sesuatu keadaan supaya perumusan persoalan benar-benar meliputi semua aspek kajian. Semua data yang diperolehi melalui kajian deskriptif boleh digunakan sebagai dasar untuk membuat keputusan. Bentuk kajian deskriptif adalah kajian yang membolehkan maklumat yang mudah dapat dikumpulkan (Schumacher, 1984). Kajian deskriptif hanya melibatkan penerangan punca dan akibat berdasarkan data yang diperolehi. Dalam kajian deskriptif penyelidik tidak ada kawalan ke atas apa yang hendak dikaji. Dengan lain perkataan, penyelidik tidak boleh memanipulasikan apa-apa faktor atau fenomena yang akan mempengaruhi tingkah laku subjek atau pencapaiannya (McMillan, 1996).

Borang soal selidik digunakan sebagai alat untuk mendapatkan data dan maklumat yang diperlukan untuk mengenalpasti cabaran guru-guru pelatih UTM sesi 2007/2008 terhadap latihan mengajar yang telah mereka lalui.. Pembolehubahpembolehubah yang digunakan dalam kajian ini termasuklah dari aspek pengajaran teori, pengajaran amali, beban tugas,penyeliaan dan juga kemudahan. Menurut Mohamad Najib (1999) instrumen soal selidik adalah sesuai untuk pengukuran afektif bagi tujuan mengetahui kecenderungan, sikap, persepsi dan sebagainya. Soal selidik adalah kaedah yang paling mudah dan cepat untuk memperolehi maklumat penyelidikan (Mohd Majid, 2000). Kaedah ini merupakan kaedah yang berkesan bagi mendapatkan maklumat daripada subjek selain membuat pemerhatian tingkahlaku mereka. Selain itu ia dapat mengumpulkan data dengan lebih mudah dan sesuai dengan responden dalam kajian ini. Penggunaan soal selidik juga dapat menjimatkan masa dan perbelanjaan semasa mengumpul data.

3.2 Tempat Kajian

Kajian ini dijalankan di Bilik Kuliah Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai (C 15, 411). Responden-respondennya terdiri daripada pelajar-pelajar tahun 3SPH yang telah menjalani latihan mengajar pada sesi 2007/2008 melalui pengedaran borang soal selidik kepada mereka di dalam kelas.

3.3 Populasi dan Sampel kajian

Menurut Mohamad Najib (1999) sampel adalah sumber untuk mendapatkan data. Prinsip persampelan yang diamalkan adalah berdasarkan konsep kebarangkalian dan setiap elemen yang dipilih adalah mempunyai peluang yang sama. Pada asasnya, persampelan adalah merupakan satu usaha bagi seorang penyelidik untuk memperolehi maklumat daripada sampel yang dapat mewakili populasi tersebut.

Kajian ini telah memilih semua pelajar tahun tiga yang mengikuti kursus SPH fakulti pendidikan sebagai populasi. Ini kerana, mereka telah mempunyai pengalaman dalam latihan mengajar yang mereka ikuti pada penghujung semester pertama tahun ketiga sesi 2007/2008. Mereka telah didedahkan kepada pengalaman sebenar semasa mengajar di sekolah-sekolah yang telah mereka pilih. Penyelidik menggunakan semua populasi sebagai sampel dan mengambil semua sampel sebagai responden untuk kajian sebenar. Responden terdiri daripada 125 orang pelajar tahun tiga kursus SPH berdasarkan perangkaan pelajar mengikut opsyen mata pelajaran latihan mengajar sesi 2007/2008 oleh Fakulti Pendidikan. Menurut Mohamad Najib (2003) sekiranya penyelidik memilih keseluruhan populasi, ia adalah penyelidikan kes.

Sampel bagi kajian rintis yang akan dijalankan ialah seramai 10 orang yang terdiri daripada pelajar-pelajar tahun empat kursus SPH. Responden yang telah dipilih untuk kajian rintis tidak akan terlibat semasa kajian sebenar dijalankan. Kajian rintis dilakukan untuk menentukan kebolehpercayaan dan kesahan soalan soal selidik yang digunakan untuk mendapat maklumat yang diperlukan.

3.4 Instrumen Kajian

Menurut Mohamad Najib (1999) instrumen kajian akan menentukan jenis data yang diperolehi dan ini akan mempengaruhi jenis analisis pengkaji. Pengkaji telah menggunakan soal selidik untuk memperolehi data kajian ini. Instrumen kajian ini mengandungi dua bahagian item. Bahagian A mengandungi dua item berkenaan dengan latar belakang responden. Bahagian B pula mengandungi 36 item yang menyentuh tentang cabaran guru-guru pelatih UTM tahun tiga kursus SPH sesi 2007/2008 terhadap latihan mengajar yang telah mereka lalui. Aspek-aspek kajian meliputi aspek pengajaran teori, pengajaran amali, beban tugas, penyeliaan dan kemudahan.

Pengkaji telah menggunakan jenis soalan skala likert iaitu 5 mewakili sangat setuju, 4 mewakili setuju, 3 mewakili tidak pasti, 2 mewakili tidak setuju dan 1 mewakili sangat tidak setuju bagi item-item bahagian B.

3.5 Kesahan Instrumen Kajian

Penyelidik memohon pengesahan bagi item-item soalan dalam instrument kajian daripada dua orang pensyarah iaitu Puan Adibah Binti Abdul Latif dan Dr. Yusof Bin Boon. Ini adalah untuk memastikan bahawa setiap item yang dibina adalah bersesuaian untuk menguji perkara yang dikaji oleh penyelidik. Kesahan instrument kajian ini juga bergantung kepada jawapan responden iaitu adakah responden dapat memberikan jawapan yang dikehendaki. Oleh itu, pengubahsuaian isi dan bahasa boleh dilakukan agar ianya lebih bersesuaian dengan situasi guru pelatih.

Ujian kebolehpercayaan Alpha Cronbach dalam SPSS digunakan untuk mengukur kebolehpercayaan item soal selidik dengan menggunakan kriteria berikut. Nilai indeks adalah antara 0 hingga 1. Nilai hampir dengan 0 bermakna tahap kebolehpercayaan yang sangat rendah dan nilai yang hampir kepada 1 tahap kebolehpercayaan yang sangat tinggi. Nilai 0.8

didapati memadai untuk diterima sebagai tahap kebolehppercayaan yang sesuai untuk sesuatu alat. (Mohamad Najib, 2003).

Di dapati pekali kebolehppercayaan bagi kajian rintis ialah 0.889. Ini bermakna kajian ini mempunyai indeks kebolehppercayaan yang tinggi dan instrumen kajian ini dapat mengukur pembolehubah dengan tekal.

4.0 ANALISIS DATA

4.1 Analisis Bahagian A

4.1.1 Jantina

Jadual 1 : Kekerapan dan peratusan responden mengikut jantina.

Jantina	Kekerapan (f)	Peratus (%)
Lelaki	39	31.2
Perempuan	86	68.8
Jumlah	125	100

Responden yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada 39 orang pelajar lelaki dan 86 orang pelajar perempuan. Ini menunjukkan bahawa terdapat ramai pelajar perempuan yang memilih kerjaya guru berbanding dengan pelajar lelaki untuk subjek Kemahiran Hidup.

4.2 Analisis Bahagian B

4.2.1 Pengajaran teori dalam bilik darjah.

Jadual 2 : Kekerapan dan peratusan responden tentang cabaran guru-guru pelatih Tahun Tiga Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kemahiran Hidup) sesi 2007/2008 terhadap latihan mengajar yang telah mereka lalui dari aspek pengajaran teori dalam bilik darjah.

No. item	Pernyataan	Tidak Setuju		Tidak Pasti		Setuju		Min
		f	%	f	%	f	%	
1	Saya tidak mampu mengawal karenah pelajar di dalam kelas dengan baik.	20.0	16.0	9.0	7.2	96.0	76.8	3.82
2	Pelajar tidak memberikan kerjasama semasa saya mengajar.	36.0	29.1	8.0	6.4	81.0	64.5	3.53
3	Pelajar tidak memberikan sepenuh perhatian terhadap pengajaran saya	34.0	27.2	12.0	9.6	79.0	63.2	3.45
4	Pelajar sukar memberikan respon yang baik semasa proses soal jawab diadakan	30.0	24.0	15.0	12.0	80.0	64.0	3.48
5	Kedudukan bilik darjah yang berhampiran dengan jalan raya menyebabkan proses pembelajaran terganggu.	23.0	18.4	11.0	8.8	91.0	72.8	3.77
6	Saya tidak mampu menggunakan alat bantu mengajar yang menarik perhatian pelajar	12.0	9.6	8.0	6.4	105.0	84.0	4.21
Purata		25.83	20.72	10.5	8.4	88.67	70.88	3.71

Jadual 2 menunjukkan item-item yang mengkaji cabaran guru-guru pelatih Tahun Tiga Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kemahiran Hidup) sesi 2007/2008 terhadap latihan mengajar yang telah mereka lalui. Secara keseluruhan, kebanyakan responden bersetuju bahawa mereka menghadapi cabaran dari aspek pengajaran teori dalam bilik darjah iaitu secara puratanya ialah 70.88%.

Sebanyak 84% responden bersetuju bahawa mereka tidak mampu menggunakan alat bantu mengajar yang menarik perhatian pelajar. Sebanyak 24% responden tidak bersetuju bahawa pelajar sukar memberikan respon yang baik semasa proses soal jawab diadakan dan 18.4% responden tidak bersetuju bahawa kedudukan bilik darjah yang berhampiran dengan jalan raya menyebabkan proses pembelajaran terganggu..

Secara puratanya sebanyak 70.88% responden setuju, 8.4% responden tidak pasti dan 20.72% responden tidak setuju bahawa mereka menghadapi cabaran dari aspek pengajaran teori dalam bilik darjah. Min purata keseluruhan bagi aspek ini ialah 3.71 dan ia berada pada skala pemingkatan yang tinggi. Ini bermakna responden menghadapi cabaran yang tinggi untuk aspek pengajaran teori dalam bilik darjah

4.2.2 Pengajaran Amali Di Bengkel.

Jadual 3 : Kekerapan dan peratusan responden tentang cabaran guru-guru pelatih Tahun Tiga Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kemahiran Hidup) sesi 2007/2008 terhadap latihan mengajar yang telah mereka lalui dari aspek pengajaran amali

No. item	Pernyataan	Tidak Setuju		Tidak Pasti		Setuju		Min
		f	%	f	%	f	%	
7	Saya tidak dapat mengawal karenah pelajar di dalam bengkel dengan baik	27.0	21.6	6.0	4.8	92.0	73.6	3.69
8	Pelajar tidak memberikan kerjasama semasa saya melakukan demonstrasi projek	44.0	35.2	10.0	8.0	71.0	56.8	3.28
9	Pelajar tidak memberikan sepenuh perhatian terhadap demonstrasi projek yang dilakukan.	12.0	9.6	10.0	8.0	103.0	82.4	4.42
10	Saya tidak mampu menggunakan alat bantu mengajar yang menarik perhatian pelajar	33.0	27.0	12.0	9.6	80.0	64.0	3.56
11	Kedudukan bengkel yang jauh dari bilik darjah menyebabkan masa pengajaran saya berkurangan	20.0	16.0	9.0	7.2	96.0	76.8	3.76
12	Saiz bengkel yang sempit mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran saya.	30.0	24.0	15.0	12.0	80.0	64.0	3.41
13	Kelengkapan peralatan tangan bengkel yang tidak mencukupi mengganggu proses pembelajaran pelajar	11.0	8.8	3.0	2.4	111.0	88.0	4.51
Purata		25.29	20.31	9.29	7.43	90.43	72.34	3.81

Sebanyak tujuh item telah dikemukakan untuk mendapatkan maklum balas berhubung dengan cabaran guru-guru pelatih Tahun Tiga Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kemahiran Hidup) sesi 2007/2008 terhadap latihan mengajar yang telah mereka lalui dari aspek

pengajaran amali di bengkel. Jadual 3 menunjukkan kekerapan, peratusan dan min responden terhadap item-item bagi aspek tersebut. Keputusan analisis menunjukkan sebanyak 88.8% responden setuju bahawa kelengkapan peralatan tangan bengkel yang tidak mencukupi mengganggu proses pembelajaran pelajar.

Terdapat sebanyak 21.6% responden tidak setuju bahawa mereka tidak dapat mengawal karenah pelajar di dalam bengkel dengan baik. Selain itu terdapat sebanyak 64% responden yang setuju bahawa saiz bengkel yang sempit mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran mereka dan 9.6% responden tidak pasti bahawa mereka tidak mampu menggunakan alat bantu mengajar yang menarik perhatian pelajar. Di samping itu, aspek ini juga mempunyai nilai purata min tertinggi di antara aspek yang lain iaitu 3.81 dan ia berada pada skala pemeringkatan yang tinggi. Ini bermakna responden menghadapi cabaran yang hebat untuk aspek pengajaran amali di bengkel.

4.2.3 Beban Tugas Yang Dipikul Semasa Latihan Mengajar.

Jadual 4 : Kekerapan dan peratusan responden tentang cabaran guru-guru pelatih Tahun Tiga Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kemahiran Hidup) sesi 2007/2008 terhadap latihan mengajar yang telah mereka lalui dari aspek beban tugas.

No. item	Pernyataan	Tidak Setuju		Tidak Pasti		Setuju		Min
		<i>f</i>	%	<i>f</i>	%	<i>f</i>	%	
14	Projek tambahan yang diberi oleh pihak sekolah seperti melukis mural dan membuat landskap membebaskan saya.	49.0	39.2	9.0	7.2	67.0	53.6	3.14
15	Kelas ganti yang terlalu banyak menyebabkan kerja yang ingin saya lakukan tertangguh.	49.0	39.2	12.0	9.6	64.0	51.2	3.07
16	Tanggungjawab yang diberi oleh pihak sekolah untuk menghantar pelajar menyertai aktiviti kokurikulum di luar sekolah membebaskan saya.	53.0	42.4	20.0	16.0	52.0	41.6	2.89
17	Kelas tambahan bagi menyelesaikan projek amali tertangguh yang di adakan di luar waktu persekolahan membebaskan saya.	49.0	39.2	15.0	12.0	61.0	48.8	2.97
18	Tanggungjawab yang diberikan pihak sekolah untuk melaksanakan aktiviti ko-kurikulum seperti Kelab Kembara menyebabkan kerja yang ingin saya lakukan tertangguh.	52.0	41.6	17.0	13.6	56.0	44.8	2.94
Purata		50.4	40.2	14.6	11.6	60.0	48.2	3.00

Sebanyak 39.2% responden tidak setuju dengan kenyataan item nombor 14, 15 dan 17 iaitu projek tambahan yang diberi oleh pihak sekolah seperti melukis mural dan membuat landskap membebaskan, kelas ganti yang terlalu banyak menyebabkan kerja yang ingin dilakukan tertangguh dan kelas tambahan bagi menyelesaikan projek amali tertangguh yang diadakan di luar waktu persekolahan membebaskan. Terdapat 16% responden tidak pasti bahawa tanggungjawab yang diberi oleh pihak sekolah untuk menghantar pelajar menyertai aktiviti ko-kurikulum di luar sekolah membebaskan.

Projek tambahan yang diberi oleh pihak sekolah seperti melukis mural dan membuat landskap telah membebaskan sebanyak 53.6% responden. Nilai purata peratusan bagi aspek ini ialah 48.2% responden bersetuju memikul beban tugas sepanjang latihan mengajar dan sebanyak 40.2% responden tidak setuju dan hanya 11.6% sahaja yang tidak pasti. Purata min bagi persoalan kajian ialah 3.0. Ini bermakna responden menghadapi cabaran bagi aspek beban tugas tetapi berada pada skala pemeringkatan cabaran yang sederhana sahaja.

4.2.4 Penyeliaan Pembimbing.

Jadual 5 : Kekerapan dan peratusan responden tentang cabaran guru-guru pelatih Tahun Tiga Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kemahiran Hidup) sesi 2007/2008 terhadap latihan mengajar yang telah mereka lalui terhadap aspek penyeliaan pembimbing.

No. item	Pernyataan	Tidak Setuju		Tidak Pasti		Setuju		Min
		f	%	f	%	f	%	
19	Pensyarah pembimbing memberikan motivasi kepada saya.	15.0	12.0	21.0	16.8	89.0	71.2	2.1
20	Pensyarah pembimbing memberi tunjuk ajar yang sepenuhnya terhadap pengajaran saya.	17.0	13.6	10.0	8.0	98.0	78.4	2.0
21	Pensyarah pembimbing membantu saya menyelesaikan masalah pengajaran dan pembelajaran yang dihadapi.	13.0	10.4	18.0	14.4	94.0	75.2	2.06
22	Komen dari pensyarah pembimbing membantu meningkatkan kualiti pengajaran saya	13.0	10.4	26.0	20.8	87.0	68.8	2.1
23	Guru pembimbing memberikan motivasi kepada saya	15.0	12.0	27.0	21.6	83.0	68.0	2.09
24	Guru pembimbing memberi tunjuk ajar yang sepenuhnya terhadap pengajaran saya.	15.0	12.0	16.0	12.8	94.0	75.2	2.04
25	Guru pembimbing membantu saya menyelesaikan masalah pengajaran dan pembelajaran yang dihadapi.	14.0	11.2	20.0	16.0	91.0	72.8	2.06
26	Komen dari guru pembimbing membantu meningkatkan kualiti pengajaran saya.	10.0	8.0	12.0	9.6	103	82.4	1.82
Purata		11	13.8	18.8	15	74	92.4	2.03

Hasil kajian mendapati bahawa majoriti responden tidak menghadapi masalah dan cabaran dari aspek penyeliaan. Ini menunjukkan bahawa hubungan antara responden dan penyelia adalah baik. Ini kerana sebanyak 78.4% responden bersetuju dengan kenyataan bahawa pensyarah pembimbing memberi tunjuk ajar yang sepenuhnya terhadap pengajaran mereka. Responden juga setuju bahawa komen dari guru pembimbing membantu meningkatkan kualiti pengajaran mereka iaitu sebanyak 82.4%.

Secara keseluruhan analisis menunjukkan bahawa sebanyak 92.4% responden setuju dengan semua item dalam aspek penyeliaan, hanya sebanyak 15% responden tidak pasti dan sebanyak 13.8% responden setuju dengan kenyataan tersebut. Purata min bagi persoalan kajian ini ialah 2.03. Aspek penyeliaan ini mempunyai nilai skala pemeringkatan min yang rendah. Ini bermakna responden mengalami cabaran yang rendah dari aspek penyeliaan pensyarah dan juga guru pembimbing

4.2.5 Kemudahan

Jadual 6 : Kekerapan dan peratusan responden tentang cabaran guru-guru pelatih Tahun Tiga Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kemahiran Hidup) sesi 2007/2008 terhadap latihan mengajar yang telah mereka lalui dari aspek kemudahan.

No. item	Pernyataan	Tidak Setuju		Tidak Pasti		Setuju		Min
		f	%	f	%	f	%	
27	Saya sukar menghubungi pihak sekolah untuk mendapatkan kebenaran melawat sekolah tersebut	51.0	40.8	5.0	4.0	69.0	55.2	3.07
28	Saya sukar mencari sekolah yang ditempatkan	45.0	36.0	9.0	7.2	71.0	56.8	3.15
29	Saya mempunyai masalah untuk melawat sekolah secara berkumpulan	46.0	36.8	12.0	9.6	67.0	53.6	3.05
30	Saya mendapat tempat tinggal yang berjauhan dengan sekolah	53.0	42.4	7.0	5.6	65.0	52.0	3.0
31	Saya tidak selesa dengan rumah sewa yang saya duduki	47.0	37.6	9.0	7.2	69.0	54.2	3.06
32	Saya tidak mempunyai pengangkutan sendiri untuk pergi ke sekolah.	58.0	46.4	3.0	2.4	64.0	51.2	2.98
33	Alat bantu mengajar yang disediakan oleh pihak sekolah tidak mencukupi untuk proses pengajaran saya.	46.0	36.8	11.0	8.8	68.0	54.4	3.18
34	Tiada kemudahan internet di sekolah.	61.0	48.8	14.0	11.2	50.0	40.0	2.8
35	Keadaan fizikal bilik darjah yang tidak teratur menyebabkan proses pengajaran terganggu	20.0	16.0	9.0	7.2	96	76.8	3.69
36	Keadaan fizikal bengkel yang tidak selesa menyebabkan pelajar tidak berminat untuk melakukan projek amali	22.0	17.6	6.0	4.8	97.0	77.6	3.7
Purata		44.9	35.9	8.5	6.9	71.6	57.2	3.17

Item nombor 27 hingga item nombor 36 dalam jadual 6 merupakan gugusan soalan yang dikemukakan untuk mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh guru pelatih Tahun Tiga Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kemahiran Hidup) sesi 2007/2008 terhadap latihan mengajar yang telah mereka lalui bagi aspek kemudahan dari segi kedudukan sekolah dan kemudahan untuk pengajaran dan pembelajaran. Sebanyak 69 responden setuju dengan item 27 dan 31 iaitu saya sukar menghubungi pihak sekolah untuk mendapatkan kebenaran melawat sekolah tersebut dan juga saya tidak selesa dengan rumah sewa yang saya duduki.

Berdasarkan jadual 6, sebanyak 77.6% responden bersetuju bahawa keadaan fizikal bengkel yang tidak selesa menyebabkan pelajar tidak berminat untuk melakukan projek amali manakala seramai 96 responden setuju dengan item nombor 35 iaitu keadaan fizikal bilik darjah yang tidak teratur menyebabkan proses pengajaran terganggu. Ini menunjukkan bahawa responden mengalami lebih cabaran bagi kemudahan untuk pengajaran dan pembelajaran dari kemudahan kedudukan sekolah. Secara puratanya 57.2% setuju, 35.9% tidak setuju dan hanya 6.9% sahaja responden yang tidak pasti dengan cabaran yang dihadapi dari aspek kemudahan.

Nilai purata min bagi aspek kemudahan ini ialah 3.17. Ini bermakna responden berada pada skala pemeringkatan yang sederhana cabarannya.

5.0 PERBINCANGAN

5.1 Aspek Pengajaran Teori Dalam Bilik Darjah

Dalam bab empat, kajian mendapati ramai guru pelatih yang tidak mampu menggunakan alat bantu mengajar yang menarik perhatian pelajar. Alat bantu mengajar penting bagi menarik minat pelajar supaya memberi tumpuan dan perhatian terhadap apa yang diajar oleh guru. Pendapat ini disokong oleh Kamaruddin (2003) yang menyatakan bahawa alatan mengajar yang digunakan adalah untuk menyokong kegiatan bilik darjah yang kita mencuba pelbagaikan itu. Secara tidak langsung peranan sampingan alatan mengajar berubah menjadi peranan utama dalam menyingkirkan kebosanan dan seterusnya memberikan keseronokkan kepada murid-murid dalam pembelajaran mereka. Di samping itu, dengan menggunakan alat bantu mengajar yang menarik, ia sekaligus dapat menarik pelajar untuk memberikan sepenuh perhatian dan kerjasama terhadap pengajaran kita.

Selain itu, cabaran dari segi pelajar sukar memberikan respon yang baik semasa proses soal jawab diadakan. Soalan yang lemah dalam struktur atau yang mengandungi kata-kata yang susah disebut sebagai soalan-soalan yang tidak tepat. Soalan-soalan seumpama ini begitu kabur dan tidak menarik minat pelajar untuk menjawabnya. Guru seharusnya menggunakan kata-kata yang mudah dan diketahui oleh pelajar. Satu cara lain ialah dengan merancang langkah-langkah pengajaran dengan teliti dan bersesuaian dengan objektif-objektifnya. Soalan-soalan yang dibina harus berdasarkan kepada pengalaman dan kebolehan murid-murid. Soalan-soalan yang baik strukturnya akan membolehkan murid-murid mengetahui tujuan mengapa soalan itu ditanya.

Peranan guru mengawal bilik darjah banyak bergantung kepada cara guru mendekati pelajar. Perhubungan guru dengan pelajar yang mesra memudahkan guru mengawal pelajar. Dengan mengaplikasikan cara ini, sudah pastinya guru pelatih mampu mengawal kerana pelajar di dalam kelas dengan baik sekaligus dapat menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung dalam keadaan yang menyeronokkan.

5.2 Aspek Pengajaran Amali.

Kelengkapan peralatan tangan bengkel yang tidak mencukupi mengganggu proses pembelajaran pelajar. Penyataan ini disokong oleh Kamaruddin (2003) alatan mengajar merupakan segala kelengkapan yang digunakan oleh guru untuk membantunya dalam menyampaikan pengajarannya di bilik-bilik darjah. Alatan mengajar ini tidak terhad kepada buku-buku teks, papan tulis dan gambar-gambar sahaja tetapi juga merangkumi segala benda yang digunakan dalam pelajaran yang dapat dilihat, didengar, dipegang, dibaca, dihidu, digunakan dan sebagainya. Alatan mengajar merupakan apa-apa sahaja yang dapat dialami oleh murid-murid. Peralatan tangan yang tidak mencukupi menyebabkan pelajar tidak berminat untuk melakukan projek amali dan seterusnya mereka tidak memberikan sepenuh perhatian dan kerjasama terhadap demonstrasi projek yang dilakukan.

Selain kelengkapan, saiz bengkel yang sempit juga mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran. Ramai guru pelatih yang setuju dengan kenyataan ini. Ini kerana, pelajar terpaksa melakukan projek mereka di luar bengkel dalam keadaan yang tidak selesa dengan faktor cuaca yang panas dan sebagainya. Keadaan ini juga menyebabkan guru pelatih sukar

mengawal karenah pelajar di bengkel dengan baik. Ini kerana guru pelatih terpaksa mengawal pelajar yang berada di dalam bengkel dan juga di luar bengkel.

Bengkel adalah tempat untuk membina minat membangunkan kemahiran serta memotivasikan pelajar untuk belajar dengan lebih mendalam lagi. Di antara persoalan berkaitan bengkel yang sering dibangkitkan ialah bagaimana ruang dan peralatan dapat diselaraskan penyusunannya serta berapa ramai pelajar boleh menggunakan kemudahan dan peralatan yang ada (Pruitt Lamb,1982). Oleh itu, bengkel yang kemas dan ceria perlu diwujudkan. Bengkel yang ceria, kemas dan selesa sudah pastinya menyeronokkan dan memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan sama ada secara teori mahupun amali. Secara tidak langsung, ia dapat meningkatkan prestasi pelajar-pelajar ke arah kecemerlangan akademik.

Kedudukan bengkel yang jauh dari bilik darjah menyebabkan masa pengajaran guru pelatih berkurangan. Ini merupakan cabaran yang terpaksa dihadapi oleh guru pelatih. Guru pelatih digalakkan supaya pergi ke bilik darjah pelajar sewaktu pengajaran amali diadakan dengan menjemput mereka ke bengkel. Ini kerana selain kedudukan bengkel yang jauh, sikap pelajar juga haruslah sentiasa dikawal kerana terdapat segelintir pelajar yang sengaja melengah-lengahkan perjalanan ke bengkel. Dengan cara menjemput mereka, pelajar-pelajar ini akan sentiasa cepat bergerak menuju ke bengkel untuk melakukan projek amali.

5.3 Aspek Beban Tugas.

Menjalani latihan mengajar juga merupakan satu situasi di mana guru-guru pelatih akan merasa terbeban. Pernyataan ini disokong oleh Hages (1991) ketika praktikum, guru-guru pelatih mengalami bebanan kerja. Dalam bab empat item 14 iaitu projek tambahan yang diberi oleh pihak sekolah seperti melukis mural dan membuat landskap membebaskan. Ini merupakan cabaran utama yang dihadapi oleh guru pelatih dalam aspek beban tugas sepanjang mereka menjalani latihan mengajar di sekolah masing-masing. Bebanan kerja ini telah menyebabkan kerja-kerja yang ingin mereka lakukan tertangguh. Ini kerana mereka selalunya melakukan projek ini di luar waktu persekolahan.

Menurut Azwan (1999) kehadiran guru pelatih juga boleh dieksplotasi. Ada pengetua yang sudah menyediakan pelbagai program terutama keceriaan dan sukan. Maka tidak hairanlah jika terdapat guru pelatih yang merungut kerana mereka terpaksa akur dengan arahan pengetua kerana jika tidak mungkin penilaian oleh pihak sekolah akan terjejas. Tetapi sebenarnya ramai guru pelatih yang melakukannya dengan rela hati kerana mereka telah dimaklumkan dengan apa yang diharapkan oleh pihak sekolah. Hasil tugas seperti lukisan mural biasanya menjadi kebanggaan guru-guru pelatih. Sekurang-kurangnya ada hasil tangan mereka diabadikan di sekolah tempat mereka menjalani latihan mengajar.

Di sesetengah sekolah pula, kelas tambahan terpaksa diadakan. Jadi tidak hairanlah jika terdapat satu kes di mana guru pelatih tidak melakukan tugas yang seharusnya mereka lakukan kerana mereka terpaksa menggantikan guru yang tidak hadir selama tempoh latihan mengajar. Walaubagaimanapun guru pelatih tersebut dikehendaki membuat rancangan mengajar selengkapnya seperti yang diarah oleh pihak universiti mengikut jadual waktu yang diberikan. Guru pelatih hanya masuk mengajar adalah untuk diselia oleh pensyarah penyelia. Guru pembimbing berbuat demikian kerana tidak mahu perancangannya untuk kelas-kelas yang diajarnya terganggu jika kelasnya diambil alih oleh guru pelatih (Azwan, 1999).

5.4 Aspek Penyeliaan Pembimbing.

Secara keseluruhannya, semua item soalan dalam aspek penyeliaan pensyarahandan guru terhadap guru pelatih semasa latihan mengajar adalah kurang dihadapi oleh guru pelatih. Ini menunjukkan bahawa hubungan guru pelatih dan juga penyelia adalah baik. Penyelia ada memberikan motivasi, tunjuk ajar, membantu dalam menyelesaikan masalah pengajaran dan pembelajaran dan juga membantu guru pelatih dalam meningkatkan kualiti pengajaran mereka.

Penyataan ini disokong oleh Kamaruddin (1986) seseorang penyelia yang baik haruslah sentiasa menilai sendiri tugas-tugas yang telah dilaksanakannya dan memikirkan arah penilaian yang akan mereka tuju pada masa-masa akan datang. Dapatkah mereka berpuas hati dengan cara mereka menyelia bakal-bakal guru pada masa yang lalu? Berjayakah mereka memberikan bimbingan yang diharapkan oleh guru-guru pelatih kita hari ini? Dapatkah bimbingan mereka memberi sumbangan ke arah perkembangan professional guru-guru tersebut? Inilah soalan-soalan yang perlu direnungkan sedalam-dalamnya. Walau bagaimanapun, semua penyelia harus mempunyai banyak kemahiran tentang perhubungan kemanusiaan (human relations skills), di samping kukuh dengan pengetahuan tentang motivasi, nilai dan tentang perubahan tingkahlaku. Tanggungjawab penting dalam penilaian ialah memperbaiki orang-orang yang diselia dan membantu perkembangan individu mereka.

Abdul Rahman dan Zakaria (1999) menyatakan pertimbangan guru itu tidak bernas jika hanya dilatih supaya cekap dalam bilik darjah. Dia mesti dididik. Menurut Menurut Halimah (2004) guru dan pensyarah sentiasa bersedia untuk meminta pelajaranya dengan memberikan nasihat yang baik. Mereka juga ingin melibatkan diri dalam pembentukan kerjaya pelajar-pelajar kepada murni dan ikhlas, dan jika pelajar itu ikhlas manakala guru pula adalah seorang yang bertanggungjawab maka wujudlah satu suasana ceria dari perhubungan yang baik antara keduanya.

5.5 Aspek Kemudahan.

Item yang menjadi cabaran utama guru-guru pelatih semasa menjalani latihan mengajar ialah tentang keadaan fizikal bilik darjah yang tidak teratur menyebabkan proses pengajaran terganggu. Persekitaran fizikal bilik darjah juga penting dalam situasi pembelajaran pelajar. Hal ini boleh menggalakkan atau menghalang sesuatu aktiviti pembelajaran. Penyataan ini disokong oleh Sharifah Alwiah Alsagoff (1986) persekitaran fizikal bilik darjah yang baik akan dapat meningkatkan kuasa serta sumber pengajaran guru. Di sini guru seharusnya memastikan bahawa fizikal bilik darjah dari segi susunan kerusi dan meja pelajar mestilah teratur, kemas dan selesa sebelum meneruskan proses pengajaran. Selain itu, keadaan rumah sewa yang tidak selesa juga menjadi cabaran kepada guru pelatih dalam meneruskan latihan mengajar di sekolah masing-masing. Jika guru pelatih tidak mempunyai tempat tinggal yang agak bersesuaian akan mendatangkan masalah dan sedikit sebanyak akan mengganggu tugas mereka (Md. Arif, 1984). Sebaiknya guru pelatih memilih sebuah rumah yang berdekatan dengan sekolah kerana pemilihan pengangkutan ke sekolah adalah lebih mudah (Lomaz, D.E 1977).

Terdapat juga segelintir guru pelatih yang mengalami cabaran dari segi pengangkutan kerana mereka tiada kenderaan untuk ke sekolah. Bagi seseorang guru yang ingin ke sekolah, pengangkutannya adalah terdiri daripada jalan kaki iaitu pengangkutan bagi guru pelatih yang tinggal berdekatan dengan sekolah manakala bagi yang tinggal berjauhan daripada sekolah, jenis pengangkutan mereka ialah basikal, kereta, bas, motor tidak kira dengan kenderaan sendiri atau menumpang kereta atau motor orang lain dan sebagainya. (Lomaz, D.E and Downes, J.D,1977).

Di samping itu, guru pelatih mempunyai masalah untuk melawat sekolah secara berkumpulan. Ini kerana guru-guru pelatih ini duduk berjauhan antara satu sama lain dan ada juga yang tidak pernah mengenali antara mereka sebelum ini. Cabaran seterusnya yang dialami oleh guru pelatih sepanjang latihan mengajar ialah sukar menghubungi pihak sekolah untuk mendapatkan kebenaran melawat sekolah tersebut. Menurut Universiti Teknologi Malaysia Fakulti Pendidikan, pelatih adalah digalakkan membuat lawatan kumpulan dengan guru-guru pelatih lain ke sekolah sebelum latihan mengajar bermula untuk menemui pengetua dan mendapatkan penerangan mengenai sekolah, jadual waktu pengajaran dan takwim sekolah serta sukatan pengajaran yang berkenaan.

Menurut Md. Arif (1984) segala maklumat-maklumat yang telah didapati semasa lawatan, persediaan hendaklah dipertimbangkan dengan teliti seperti pengetahuan yang sudah ada pada pelajar, kebolehan pelajar, bilangan waktu, alat bantu mengajar dan sebagainya supaya rancangan yang dibuat dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin.

REFERENCES

- Abd. Raof Dalip (1991). *Isu-isu Latihan Mengajar*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn Bhd. 22-48
- Abdul Rahim Abdul Rashid (2000). *Panduan Latihan Mengajar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka. 35-62
- Abdul Rahman Aroff dan Zakaria Kesa (1999). *Falsafah dan Konsep Pendidikan*. Petaling Jaya: Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd. 23-35
- Abu Hassan dan Meor Ibrahim (1997). *Latihan Mengajar : "Apakah Persediaan Guru Pelatih?"* Skudai : UTM.
- Abu Zahari Abu Bakar, Aziz Nordin, Baharuddin Aris, Mohd Yusof Arshad dan Md Zari Shaari (1988). "*Kesan Pengajaran Guru-guru Pelatih UTM Semasa Menjalani Latihan Praktik Mengajar Di Sekolah-Sekolah Menengah Di Semenanjung Malaysia*". Fakulti Pendidikan : UTM
- Azwan (1999). *Acuan Melahirkan Guru Bestari Kursus Diploma Perguruan Malaysia*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. 8-24
- Dick, R. (1989). *Industry Safety Technique*. New Jersey : Mc Graw Hill Book Company.
- Ee Ah Meng (2001). *Asas Pedagogi*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. 22-34
- Esah Sulaiman dan Noraini Mohd Nor (2001). "*Isu Profesionalisme Sebagai Guru (Amalan Profesionalisme Melalui Teladan)*." Kertas Kerja 4, UTM.
- Folkman, S and Lozarus, R.S. (1984). *Stress, Appraisal And Coping*. New York: Springer. 55-62
- Hages, D. (1991). Students On Teaching Practice : *Issue Of Compatibility*. Journal Of Further And Higher Education. 15(1) : 67-74
- Halimah Ahmad (2004). *Kajian Pendekatan berforum dalam program latihan mengajar*. UKM. Tesis Sarjana.
- Ibrahim Wahab (1991). *Kepentingan Pengangkutan*. Petaling Jaya. Pearson Malaysia Sdn. Bhd. 56-60
- Ishak Harun & Koh, Boh Boon (1983). *Asas Dalam Amalan Pedagogi*. Utusan Publisher
- Ismail bin Kailani (1982). "*Masalah Pembelajaran Pelajar di UTM*." dalam "*Bengkel Penyelidikan Latihan Mengajar (1982 : UTM, KL) Kertas kerja*" KL : UTM
- Kamaruddin Kassim (2003). *Masalah-Masalah Latihan Mengajar*. Petaling Jaya: Addison Wesley Longman Malaysia Sdn. Bhd. 55-63
- Kamarudin Hj. Husin (1986). *Pedagogi untuk Asas Pendidikan*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn Bhd. 12-37

- Lomaz, D.E and Bownes, J.D (1977). *Transport and Road Research Laboratory Paterns Of Travel to School and Work In Reading In 1971*. Crowthorne, Berkshire : Crown Copyright.
- Mc Millan, J.H. (1996). *Research In Education*. Boston : Little, Brown & Company Limited.
- Md Arif Md Yunus (1984). *Mengkaji Masalah-Masalah Yang Dihadapi Oleh Guru-Guru Pelatih Kimia Peringkat Diploma Sains Serta Pendidikan Semasa Latihan Mengajar*. UTM :Tesis Sarjana Muda.
- Mohamad Najib Abd. Ghafar (2003). *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan. Skudai : Universiti Teknologi Malaysia.:* Universiti Teknologi Malaysia. 66-96
- Mohamad Najib Abd. Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan Skudai : Universiti Teknologi Malaysia.:* Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Majid Konting (2000). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 22-48
- Mohd. Salleh Lebar (1992). *Perubahan dan Kemajuan Pendidikan Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Nurin Interprise.
- Mok Soon Sang (1993). *Pedagogi 2*.Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Ng, Chiew Mei & Ishak Osman (1996). *Masalah Yang Dihadapi Oleh Guru-Guru Pelatih Semasa Menjalankan Praktikum. Laporan Penyelidikan Maktab Perguruan Ilmu Khas : Kuala Lumpur*
- Pruitt, L (1982). *Human Resource Management*, Edisi ke-5. New Jersy: Prentice Hall International. 86-95
- Pullias, E.V & Young, J.D (1992). *Guru adalah segala-galanya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Schumacher, S. (1984). *Research In Education*. Boston : Little, Brown & Company Limited
- Sharifah Alwiah Alsagoff (1986). *Teknologi Pengajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 55-73
- Smith, B.O. (1969). *Teacher For The Real World*. Washington D.C: American Association Of College For Teacher Education.122
- Tajul Ariffin Noordin (1990). *Pendidikan Suatu Pemikiran Semula*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 86
- Yahya Bahri (1989). *Pengurusan Bengkel* . UKM. Mc Graw-Hill (Malaysia) Sdn.Bhd.